

|             |                     |            |                     |
|-------------|---------------------|------------|---------------------|
| Headline    | TNB siap siaga      |            |                     |
| MediaTitle  | Harian Metro        |            |                     |
| Date        | 07 Dec 2015         | Language   | Malay               |
| Circulation | 1,270,667           | Readership | 3,812,000           |
| Section     | Setempat            | Page No    | 40                  |
| ArticleSize | 391 cm <sup>2</sup> | Journalist | Siti Farahiyah Aziz |
| PR Value    | RM 46,032           |            |                     |
|             |                     |            |                     |



# TNB siap siaga

■ Pastikan proses pelepasan air dari empangan dilakukan secara sistematik

Oleh Siti Farahiyah Aziz  
am@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

**T**enaga Nasional Berhad (TNB) mengadakan beberapa siri taklimat persediaan dan latihan kecemasan di stesen hidroelektrik dan pejabat operasinya bagi meningkatkan kecakapan dan siap siaga semua pihak pada musim tengkujuh.

Pengurus Besar Kanan Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi TNB Datuk Mohd Aminuddin Mohd Amin berkata, persediaan itu dilakukan bersama pihak berkuasa tempatan serta agensi

berkaitan bagi memastikan proses pelepasan air secara terkawal di beberapa empangan hidroelektrik berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP).

“Selain menjana elektrik, empangan hidroelektrik milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) turut berfungsi sebagai tebatan banjir.

“Dengan kapasiti menampung air di hulu sungai, empangan terbabit dapat mengelakkan bencana lebih besar daripada berlaku di kawasan hiliran setiap kali mu-

sim tengkujuh tiba,” katanya. Menurutnya, TNB memberi jaminan semua empangan hidroelektrik milik syarikat utiliti nasional itu yang sedang beroperasi berada dalam keadaan baik dan selamat.

“Jika banjir besar berlaku, TNB akan mengaktifkan bilik gerakan di setiap negeri untuk memantau situasi dan menutup bekalan elektrik sekiranya air mencecah paras bahaya.

“Kami juga ingin menasihatkan orang ramai supaya


ya mengutamakan aspek keselamatan dan sentiasa berwaspada serta mematuhi arahan pihak berkuasa sekiranya premis mereka dinaiki air,” tambahnya lagi.

Empangan itu terletak di Kenyir, Cameron Highlands dan Sungai Perak.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan dan bekalan elektrik dengan menghubungi talian TNB CareLine di 1-5454 atau facebook TNB Careline.

“Jika banjir besar berlaku, TNB akan mengaktifkan bilik gerakan di setiap negeri untuk memantau situasi dan menutup bekalan elektrik sekiranya air mencecah paras bahaya”

|             |                     |            |                        |
|-------------|---------------------|------------|------------------------|
| Headline    | TNB siap siaga      |            |                        |
| MediaTitle  | Harian Metro        |            |                        |
| Date        | 07 Dec 2015         | Language   | Malay                  |
| Circulation | 1,270,667           | Readership | 3,812,000              |
| Section     | Setempat            | Page No    | 40                     |
| ArticleSize | 391 cm <sup>2</sup> | Journalist | Siti Far ah iy ah Aziz |
| PR Value    | RM 46,032           |            |                        |
|             |                     |            |                        |



**PENGURUS Besar Stesen Janaelektrik Cameron Highlands Mohd Zaki Jalaluddin memberi penerangan mengenai Empangan Sultan Abu Bakar di Cameron Highlands, Pahang, baru-baru ini.**